

UMP pertingkatkan kem d h e b untu pe

*Sinar Hutan
sahm 07
25/31
p8 p3*

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperuntukkan sebanyak RM50,000 sebulan kepada penyedia kemudahan jalur lebar terbaik di negara ini untuk meningkatkan kualiti maklumat dan komunikasi. Pengerusi Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Mohd Hilmei Mohd Taib berkata, bertujuan meningkatkan keupayaan jalur lebarnya dari 8Mbps kepada 34Mbps dengan kerjasama Telekom Malaysia secara rasmi bermula ini pada



Mohd Hilmei (tengah) menyaksikan pertukaran Perjanjian Peningkatan Jalur Lebar di antara wakil UMP dan TM Berhad.

"Sesuai dengan penarikan daripada kolej universiti ini membolehkan peningkatan kualiti maklumat dan tenaga pengajar mengakses maklumat melalui internet dengan mudah dan pantas. Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam satu sidang akhbar selepas majlis menandatangani

perjanjian peningkatan perkhidmatan jalur lebar di antara UMP dengan TM Berhad di Hotel Grand Continental, di sini, semalam. Mohd Hilmei memberitahu, UMP melalui Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasinya dapat

memantapkan lagi struktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di samping pembudayaan sistem elektronik secara menyeluruh. Beliau berkata, dengan menaik taraf sistem berkenaan turut membantu pengurusan universiti

melaksanakan pelbagai teknologi maya terkini. "Kerjasama ini dapat memastikan kejayaan penggunaan jalur lebar yang lebih meluas sesuai dengan hasrat kerajaan mewujudkan institusi pendidikan berteknologi tinggi," katanya.